From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 20 July, 2022 8:55:20 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pasukan UUMFC Mara Ke Suku Akhir Piala MB Kedah 2022

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 JULAI 2022 / 20 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: UUMFC

PASUKAN UUMFC MARA KE SUKU AKHIR PIALA MB KEDAH 2022



UUM ONLINE: Pasukan bola sepak UUMFC terdiri daripada staf dan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya mara ke peringkat suku akhir Kejohanan Widad K-League Piala Menteri Besar Kedah 2022 selepas

menewaskan pasukan Bukit Selambau dalam perlawanan ketiga Kumpulan C.

Pasukan UUMFC yang mewakili Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Kayu Hitam akan bertemu pasukan DUN Sungai Tiang pada 22 Julai ini di Stadium Mini Pendang.

Ketua jurulatih, Maizal Hairi Marzuki berkata, beliau yakin dengan kemampuan semua pemain UUMFC untuk menewaskan pasukan pesaing nanti.

"Kita akan meneruskan momentum kemenangan untuk melangkah ke peringkat akhir, seterusnya merangkul Piala Menteri Besar Kedah pada tahun ini. Insya-Allah, pasukan UUMFC akan mempamerkan permainan yang membanggakan agar kejayaan menjadi milik kita.

"Di samping itu, saya mewakili pasukan pengurusan UUMFC dan pemain berterima kasih kepada ADUN Bukit Kayu Hitam di atas kepercayaan diberikan kepada pasukan UUM untuk mewakili DUN ini dan juga Naib Canselor yang memberikan kebenaran untuk menggunakan padang bola di kampus ini, selain menggunakan perkhidmatan bas universiti untuk ke gelanggang pertandingan," katanya.

Pasukan UUMFC yang berada di Kumpulan C menjadi antara lapan pasukan yang layak ke suku akhir bersama pasukan dari Sungai Tiang, Pengkalan Kundur, Ayer Hitam, Belantik, Bukit Selambau, Lunas dan Bayu.

Peringkat akhir dijadualkan berlangsung pada 5 Ogos depan.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.